



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

11 Disember 2015 / 28 Safar 1437

Menghayati Akhlak Nabi Muhammad s.a.w.:

Hak Sesama Muslim

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
وَصَفِيُّ اللَّهِ مِنْ خَلْقِهِ وَحَبِيبُهُ إِمَامُ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ اللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah bersama kita meningkatkan ketakwaan setinggi-tingginya kepada Allah s.w.t., dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala tegahanNya. Mudahan-mudahan Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita taufiq untuk memupuk tali persaudaraan antara kita insyallah, Amin.

Saudaraku,

Pada Jumaat lalu, mimbar telah membincangkan kepentingan kita menjadikan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai contoh teladan. Khutbah telah memulakan perbincangan dengan menitikberatkan adab yang sering dipelihara Nabi Muhammad s.a.w. bersama Allah s.w.t.. Hari ini, khutbah akan menyentuh perihal hubungan sesama kita yang perlu dipelihara dengan sesempurna mungkin, kerana iman menjadi sempurna apabila kita menunaikan hak Allah s.w.t. di samping memelihara hak sesama insan.

Saudaraku,

Kepentingan kita menjaga adab dan etika dalam berinteraksi dengan individu lain tidak dapat dinafikan. Perhatikan sahaja pengajaran yang terkandung di dalam hadith di mana Nabi Muhammad s.a.w. menceritakan hal keadaan sebahagian manusia nanti di akhirat. Ada yang datang menghadap Allah s.w.t. dengan pelbagai pahala amal ibadah, tetapi pahala-pahalanya telah diambil oleh manusia lain yang pernah dizaliminya di dunia dahulu. Nabi Muhammad s.a.w. bersabda: *“Jika telah habis pahalanya sebelum dapat dibayar kepada orang yang dizaliminya, maka dosa-dosa orang-orang yang dizaliminya tersebut akan dilemparkan kepadanya pula, lalu dia kemudiannya dicampakkan ke dalam api neraka.”* [Hadith riwayat Imam Muslim]

Hadith ini menekankan kepentingan menjaga hak dan hubungan sesama manusia dan bagaimana ia terkait dengan kesempurnaan iman. Renungkan juga firman Allah s.w.t. dalam surah At-Tahrim ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ
وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ
وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Yang bermaksud: *“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang mana bahan bakarnya terdiri daripada manusia dan batu-bata; neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras lagi kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”*

Saiyidina Ali bin Abi Talib r.a. tatkala menjelaskan ayat tersebut berkata: *“Ajarkanlah ilmu dan adab kepada mereka (iaitu ahli keluargamu).”* Inilah yang perlu kita tingkatkan dalam diri ahli keluarga kita, terutamanya anak-anak, agar mereka menjadi generasi rabbani, iaitu generasi yang menuruti segala perintah Allah s.w.t. dan menjaga hubungan sesama manusia.

Maka di sini letaknya tanggungjawab kita untuk sentiasa memelihara dan menjaga adab dan etika berinteraksi sesama Muslim.

Kepentingan adab dan etika ini menjadi lebih kritikal lagi pada zaman yang pesat perkembangan dan kemajuan teknologi perhubungan. Kita semakin mudah berhubung. Namun sebagai Muslim, apa jua platform yang digunakan, kita perlu sentiasa memastikan hak-hak saudara kita dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Saudaraku,

Namun, apakah hak saudara kita yang perlu kita pelihara sentiasa?

Terdapat pelbagai pengajaran yang terkandung di dalam hadith-hadith Nabi Muhammad s.a.w. yang boleh kita jadikan iktibar, antaranya:

Pertama: Sentiasa menginginkan kebaikan bagi saudara kita.

Ia merupakan suatu sifat terpuji yang perlu dimiliki setiap mukmin. Lihat sahaja budi pekerti Nabi Muhammad s.a.w. di dalam berinteraksi bersama sahabatnya. Nabi Muhammad s.a.w. sering mendorong dan menyokong mereka yang berhubung dengan

beliau, serta menginginkan kebaikan buat mereka. Sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

المؤمنُ مرآةُ المؤمنِ والمؤمنُ أخو المؤمنِ يكفُّ عليه ضيعتهُ ويحُوطُهُ من ورائهِ

Yang bermaksud: *“Seorang Mukmin adalah cermin bagi saudaranya. Dan seorang Mukmin adalah saudara bagi Mukmin yang lain; dia membantu memperbaikinya daripada kesalahannya dan memerhatikannya daripada belakangnya.”* [Hadith riwayat Abu Daud]

Lihatlah saudara, betapa Nabi Muhammad s.a.w. menekankan kepentingan perhubungan antara kaum muslimin. Kita membantunya agar menjadi insan yang lebih baik sama ada dia sedari mahupun tidak.

Jangan kita menjadi seperti sebahagian individu yang memiliki rasa hasad dan dengki terhadap orang lain yang dikurniakan kelebihan. Rasa hasad dan dengki menimbulkan rasa kurang senang dan keinginan yang tidak baik terhadap saudaranya. *Nauzubillah!*

Perhatikan sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud: *“Barangsiapa yang mencari makan dengan (mengorbankan) seorang Muslim, Allah s.w.t. akan memberinya makan dengan yang serupa (dengannya) daripada neraka Jahannam. Dan*

barangsiapa yang mencari pakaian dengan (mengorbankan) seorang Muslim, sesungguhnya Allah s.w.t. akan memberinya pakaian dari Jahannam. Dan barangsiapa berdiri atas orang Islam dengan keangkuhan dan kesombongan, maka Allah akan berdiri baginya dengan kesombongan dan keangkuhan pada hari kiamat.” [Hadith riwayat Abu Daud]

Saudaraku,

Perkara yang kedua yang perlu kita perhatikan adalah:

Mencintai saudara kita sebagaimana mencintai diri sendiri.

Seseorang itu hanya mampu menimbulkan rasa ingin kebaikan bagi saudaranya apabila perasaan cinta bagi saudaranya itu mekar di dalam hati. Sebagaimana kita mencintai setiap individu daripada ahli keluarga mahupun adik beradik, seharusnya cinta kita sesama muslimin juga sedemikian rupa.

Nabi Muhammad s.a.w. bersabda dalam hadithnya: *“Tidak sempurna iman kamu sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri.” [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim]*

Maka seorang Mukmin akan sentiasa merasa cinta terhadap saudaranya. Beliau akan sering bertanya: Bagaimana keperluan kehidupannya? Bagaimana agamanya? Bagaimanakah boleh dia dibantu untuk mengurangkan kesukarannya?

Atas dasar inilah Nabi Muhammad s.a.w. menjalankan dakwahnya. Baginda sentiasa menginginkan kebaikan untuk umatnya. Baginda mendoakan dan sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan umatnya.

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan Ibn Hibban, Nabi Muhammad s.a.w. suatu ketika mendoakan untuk Saidatina Aisyah dengan doa berikut:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِعَائِشَةَ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهَا وَمَا تَأَخَّرَ وَمَا أَسْرَتْ وَمَا أَعْلَنْتْ

Yang bermaksud: *“Ya Allah! Engkau ampunkanlah bagi Aisyah apa yang telah lalu daripada dosa-dosanya, dan segala yang akan datang, dan segala yang beliau sembunyikan dan segala yang beliau zahirkan.”* Baginda lalu berkata kepada Saidatina Aisyah: *“Sesungguhnya ia adalah doaku untuk umatku, pada setiap solat.”*

Maka seharusnya kita sebagai umat Nabi Muhammad s.a.w. memiliki rasa cinta dan sayang juga sesama umat. Bukan saling melontarkan kata-kata kesat lagi kasar tatkala berbalah antara kita, samada kerana isu-isu agama yang dipertikaikan, ataupun kerana sebab-sebab lain. Ia bukanlah satu sikap dan adab yang diajarkan Nabi Muhammad s.a.w.

Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita taufiq untuk menjadikan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai contoh teladan buat diri kita. Semoga kita dikurniakan kemampuan untuk menjalankan segala tanggungjawab terhadap Allah s.w.t. dan terhadap sekalian hamba-hambaNya dengan terbaik mungkin. Amin ya Rabbal Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.